

Analisis Isu dan Masalah Perkahwinan di Sarawak dari Tahun 2019 hingga 2023

(Analysis of Marital Issues and Problems Throughout 2019-2023 in Sarawak)

Safura Binti Ahmad Sharkawi^{1*} , Jamayah Binti Saili² 

¹Fakulti Sains Kognitif & Pembangunan Manusia, Universiti Malaysia Sarawak, Jalan Datuk Mohammad Musa, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.

Email: safuraahmadsharkawi@gmail.com

²Fakulti Sains Kognitif & Pembangunan Manusia, Universiti Malaysia Sarawak, Jalan Datuk Mohammad Musa, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.

Email: sjamayah@unimas.com

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Safura Binti Ahmad Sharkawi
(safuraahmadsharkawi@gmail.com)

KATA KUNCI:

Masalah perkahwinan
Perceraian
Sarawak
Analisis

KEYWORDS:

Marital problems
Divorce
Sarawak
Analysis

CITATION:

Safura Ahmad Sharkawi, & Jamayah Saili.
(2024). Analisis Isu dan Masalah
Perkahwinan di Sarawak dari Tahun 2019
hingga 2023. *Malaysian Journal of Social
Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(5),
e002819.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i5.2819>

ABSTRAK

Perkahwinan masa kini menghadapi banyak cabaran. Sebuah kajian perpustakaan dilakukan bagi menganalisis isu dan permasalahan perkahwinan di Sarawak dari tahun 2019 hingga 2023. Melalui data statistik yang diperoleh dari Jabatan Agama Islam Sarawak, terdapat 5 punca utama masalah dan konflik rumah tangga iaitu tiada persefahaman antara pasangan, suami abai nafkah, masalah penagihan dadah, arak dan judi dalam kalangan pasangan, suami tidak bertanggungjawab dan suami atau isteri disyaki curang. Setiap isu dibincangkan dan dihuraikan dengan mengambil kira pandangan dari beberapa kaunselor yang mengendalikan sesi kaunseling perkahwinan bagi klien yang hadir memohon perkhidmatan kaunseling. Hasil kajian ini penting untuk merangka perancangan bagi peningkatan kualiti perkahwinan di Sarawak sama ada bagi tujuan meningkatkan kualiti dan mengurangkan kadar perceraian.

ABSTRACT

Marriages nowadays are extremely challenging. A library research was conducted to analyze marital issues and problems in Sarawak throughout 2019 to 2023. Through statistical data obtained from Jabatan Agama Islam Sarawak, there are 5 main problems, high level of disagreement among couples, maintenance negligence from the husbands, substance, alcohol and gambling addiction, irresponsible husbands and infidelity. The counsellors' viewpoints and interpretation was included in the discussion of this study. The results of this study are important to formulate plans to improve the quality of marriage in Sarawak, whether for the purpose of improving the quality and reducing the divorce.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini telah menyumbang kepada literatur sedia ada berhubung perkembangan isu-isu perkahwinan yang berlaku di Sarawak secara khususnya bagi membolehkan perancangan sosial dilakukan oleh pihak berwajib.

1. Pengenalan

Perkahwinan merupakan satu ikatan hubungan yang menghalalkan hubungan antara lelaki dan wanita (Musthapar & Ahmad, 2022). Dalam Islam, perkahwinan menjadikan pergaulan antara lelaki dan perempuan diharamkan, hidup bersama dibenarkan serta digalakkan untuk mempunyai zuriat bersama.

Perkahwinan juga menjadikan pasangan tergalas dengan tanggungjawab masing-masing yang pada masa yang sama bertujuan memenuhi keperluan dan hak pasangan. Penyatuan antara lelaki dan perempuan secara fitrahnya saling melengkapi kehidupan satu sama lain bila mana pelaksanaan tanggungjawab oleh satu pihak memberi kesan kepada pihak yang satu lagi. Begitu juga sebaliknya pengabaian tanggungjawab oleh satu pihak boleh menjejaskan hak pasangan yang satu lagi.

Antara hak dan tanggungjawab pasangan adalah termasuk keperluan nafkah zahiriah, memberikan penjagaan dan perlindungan antara suami isteri, layanan baik dan adil serta mendidik dan membesarkan anak (Musthapar & Ahmad, 2022). Ia sering membawa implikasi sosial, agama dan undang-undang dan boleh menyediakan rangka kerja untuk sokongan emosi, persahabatan dan kestabilan dalam hubungan

Perkahwinan pada masa kini berdepan dengan cabaran yang lebih besar. Semakin ramai pasangan gagal mengekalkan perkahwinan mereka dalam tempoh yang lebih lama dan lebih berkualiti. Data statistik Perkahwinan dan Perceraian orang Islam di Malaysia menunjukkan peningkatan kadar perceraian sejak beberapa tahun kebelakangan ini (Salleh, 2013; Safura & Jamayah, 2022). Peningkatan ketara berlaku pada negeri Johor, Selangor dan Kelantan. Sarawak juga mengalami keadaan yang sama (Abdul Rahman et al., 2014). Antara sebab-sebab yang dikatakan menjadi pencetus kepada konflik perkahwinan pasangan adalah isu-isu yang mudah dan selalunya dapat ditangani dengan senang jika sekiranya pasangan meletakkan kesungguhan dan komitmen yang lebih terhadap perkahwinan mereka (Tuan Buqairah, 2023).

Perceraian merupakan proses yang kerap kali dimulai dengan perselisihan pendapat berhubung dengan cara gaya mengendalikan urusan mahupun isu dalam perkahwinan. Ia kemudian disusuli dengan pengabaian tanggungjawab hingga menjejaskan hubungan di mana pengabaian tersebut memberikan tekanan kepada pasangan. Isu rumah tangga merupakan perkara penting yang sepatutnya diambil berat dan menjadi keutamaan bagi setiap pasangan untuk menyelesaikannya. Kegagalan pasangan mengendalikan isu dan perasaan masing-masing menunjukkan betapa lemahnya emosi dan mental serta pengetahuan yang dikuasai oleh pasangan. Antara faktor lain juga ialah kurangnya kemahiran antara perseorangan, keruntuhan institusi kekeluargaan, penyusutan nilai perkahwinan sebagai sumber sokongan dan ketenteraman dalaman hidup individu. Kajian ini penting bagi membolehkan pihak berwajib yang menguruskan hal ehwal perkahwinan dan kekeluargaan untuk menggubal serta melaksanakan program dengan menggunakan pendekatan yang lebih strategik

1.1. Permasalahan Kajian

Perkahwinan merupakan satu perkongsian hidup melibatkan interaksi antara suami isteri yang memerlukan banyak usaha penyesuaian antara satu sama lain dan juga persekitaran mereka (Anderson et al., 2010; Birditt et al., 2010; Gallo & Smith, 2001). Pasangan kerap kali berdepan dengan cabaran dalam usaha mereka menjalankan tanggungjawab sepertimana yang ditetapkan dalam Islam dan juga dijangkakan oleh masyarakat berhubung peranan suami isteri. Cara pasangan menangani isu-isu yang dihadapi berpotensi menghasilkan tekanan dan konflik yang mana dalam jangka panjang boleh mempengaruhi kepuasan perkahwinan.

Pelbagai isu dan masalah rumah tangga dilaporkan di Malaysia. Pada tahun 2019, [Jabatan Kemajuan Islam Malaysia \(2019\)](#) mengenal pasti sepuluh isu utama yang menjejaskan institusi perkahwinan, antaranya (1) suami atau isteri yang tidak bertanggungjawab dalam perkahwinan, (2) lemahnya penghayatan Islam dalam keluarga, (3) campur tangan pihak ketiga, (4) cara gaya hidup budaya berbeza, (5) masalah hubungan kelamin, (6) masalah kewangan (7) konflik kerjaya-keluarga (8) masalah Kesihatan (9) keruntuhan moral dan (10) masalah komunikasi. Selain daripada itu, JAKIM juga melaporkan bahawa terdapat 21.0 peratus perceraian adalah berpunca daripada pengabaian tanggungjawab oleh kedua pihak suami isteri manakala 19.2 peratus adalah diakibatkan oleh tiadanya keserasian antara pasangan ([Mohamad et al., 2019](#)). Namun begitu perlu ditekankan bahawa isu dan permasalahan agak berbeza mengikut negeri. Maka sebab itulah setiap Jabatan Agama Islam Negeri mempunyai kaedah mengkategorikan masalah perkahwinan negeri masing-masing dengan cara yang berbeza. Namun begitu, Jabatan Agama Islam Negeri bertanggungjawab untuk menerima aduan masalah rumah tangga dan sekaligus menawarkan khidmat nasihat untuk bertindak sama ada sebagai pendamai ataupun sebagai orang tengah yang diharapkan dapat merungkai konflik suami isteri dengan adil dan saksama.

Sebagai kesimpulan, pelbagai faktor berpotensi untuk menyumbang kepada timbulnya konflik dan masalah perkahwinan dan perceraian dan ia datang dari faktor luaran seperti sosioekonomi, budaya, kerjaya dan sebagainya. Manakala sumber dalaman adalah seperti faktor personaliti, kesihatan dan juga pengalaman hidup.

1.1. Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan menghuraikan isu dan masalah perkahwinan di Sarawak dari tahun 2019 hingga 2023. Data diperolehi dari Jabatan Agama Islam Sarawak dan kemudiannya temu bual dilakukan ke atas kaunselor perkahwinan yang mengendalikan sesi kaunseling perkahwinan bagi mendapatkan sudut pandang dan interpretasi mereka terhadap isu dan permasalahan perkahwinan yang ditangani setiap hari.

2. Sorotan Literatur

Beberapa kajian berbentuk analisis data telah dilakukan di beberapa negeri seperti di Kelantan dan Selangor. [Mokhtar dan Omar \(2018\)](#) mengkaji punca perceraian dalam kalangan pasangan remaja dengan cara menganalisis data dan analisis dokumen bagi mengenal pasti punca perceraian dalam kalangan remaja. Data diperolehi dari Mahkamah Syariah Kota Bharu dan juga kajian perpustakaan juga dilakukan sepanjang analisis dilakukan. Hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan perceraian berlaku adalah

berpunca dari kurangnya persefahaman dan kegagalan suami melaksanakan tanggungjawab nafkah (Moktar & Omar, 2018).

Sebuah kajian analisis yang hampir sama bagi tujuan melihat trend dan faktor perceraian rumah tangga di negeri Selangor dari tahun 2011 hingga 2015 juga telah dilakukan dan hasil kajian mendapati bahawa punca perceraian di Selangor agak berbeza mengikut kategori jantina, umur perkahwinan serta umur suami dan isteri. Pengabaian tanggungjawab dalam kalangan pasangan merupakan faktor paling besar dan kerap menjadi punca berlakunya perceraian. Masalah komunikasi, tingkah laku, masalah sosial, campur tangan keluarga, lemah didikan agama, ekonomi, seksual, kerjaya, kesihatan dan faktor yang paling rendah ialah disebabkan perbezaan budaya (Majid & Zarif, 2015).

Kajian tentang perkara yang sama turut dilakukan oleh Mansor dan Hussin (2023) di Mahkamah Syariah Daerah Petaling. Kajian ini dijalankan untuk menganalisis kes perceraian bagi perkahwinan di bawah usia setahun dengan lebih terperinci dari aspek lingkungan umur pasangan, tahap pendidikan, tahap sosioekonomi perkahwinan dan kaedah perceraian serta mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya perceraian bagi perkahwinan. Kaedah kajian adalah melalui kajian perpustakaan, analisis data statistik yang diperoleh dari Mahkamah Syariah Daerah Petaling dan temu bual yang mana data kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah tematik. Kajian mendapati masalah utama yang dihadapi pasangan yang baru berkahwin ialah kewangan yang tidak stabil, lemahnya pengurusan kewangan, pengabaian tanggungjawab, masalah sikap dan moral, lemah fizikal dan mental serta campur tangan keluarga dalam perkahwinan (Mansor & Hussin, 2023).

Sementara itu, di Mukah, Sarawak, sebuah kajian analisis data telah dilakukan di Mahkamah Syariah. Kajian ini dibuat bertujuan bagi mengenal pasti faktor-faktor perceraian yang berlaku di Mahkamah Syariah Bahagian Mukah dari tahun 2000 hingga 2010. Hasil kajian yang diperoleh menunjukkan bahawa pengabaian tanggungjawab antara pasangan merupakan faktor dalaman paling utama berlakunya perceraian di Mukah, Sarawak selain faktor luaran iaitu perkahwinan di usia muda dan pendapatan keluarga (Abdul Rahman et al., 2014).

Sehubungan itu, kajian ini akan mengkaji isu dan permasalahan perkahwinan di Sarawak secara keseluruhan berpandukan kepada data statistik pengaduan masalah rumah tangga yang ada di Jabatan Agama Islam Sarawak dari tahun 2019 hingga 2023. Analisis akan dilakukan berdasarkan kepada pengalaman pengkaji selaku kaunselor perkahwinan yang mengendalikan sesi kaunseling. Hasil penemuan akan dibincangkan dengan menggunakan kerangka teori dan model perkahwinan yang bersesuaian bagi mendapatkan pemahaman yang lebih jelas dan tersusun.

Kajian ini penting bagi memahami isu dan permasalahan dari sudut dalaman agar intervensi yang sesuai, wajar dan tepat dapat dibina sama ada dalam usaha kerajaan merangka program yang berkaitan dengan perkahwinan kepada golongan sasar yang tepat ataupun bagi membolehkan kaunselor perkahwinan mengendalikan sesi kaunseling dengan lebih berkesan dengan cara memberi fokus kepada isu yang bersesuaian

3. Metod Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti apakah isu dan masalah perkahwinan dalam kalangan masyarakat Melayu di Sarawak, pengkaji menggunakan reka bentuk analisis

kandungan. Data sekunder yang diperoleh adalah dari [Jabatan Agama Islam Sarawak \(2023\)](#). Data ini hanya menyatakan jenis permasalahan dan tidak menggambarkan jumlah keseluruhan aduan yang diterima. Analisis kandungan ditakrifkan sebagai pendekatan yang digunakan untuk menarik kesimpulan atau inferen dengan cara mengenal pasti kriteria utama mesej secara objektif. Analisis kandungan dilakukan ke atas mana-mana dokumen bertulis. Dalam kajian ini pengkaji akan meneliti data statistik yang ada dalam rekod Jabatan Agama Islam Sarawak. Kandungan boleh berbentuk perkataan, makna, gambar, simbol, tema, mesej yang disampaikan, manakala teks ialah apa-apa yang ditulis, visual, atau lisan termasuk buku, akhbar, majalah, artikel, ucapan, dokumen rasmi atau laman web ([Harwood & Garry, 2003](#)). Sumber arkib dikenal pasti terlebih dahulu secara bertujuan. Pengkaji juga mendapatkan pandangan 3 orang kaunselor yang bertugas mengendalikan kes bagi melengkapkan lagi analisis kajian ini.

Bagi tujuan analisis, pengkaji mendapatkan data statistik Pengaduan Masalah Rumah tangga tahun 2019-2023 dari Jabatan Agama Islam Sarawak dan seterusnya mengkategorikan punca-punca aduan 5 tertinggi daripada 16 aduan yang tersenarai dalam data tersebut. Kesemua yang ada dalam senarai ini telah disediakan dalam borang Permohonan Khidmat Nasihat dan Kaunseling Perkahwinan yang mana kelak perlu dilengkapi oleh pemohon. Pemohon dibenarkan untuk menandakan (/) bagi setiap isu yang berlaku dalam perkahwinan mereka.

4. Hasil Kajian

Daripada data statistik yang diperoleh di [Jabatan Agama Islam Sarawak \(2023\)](#), didapati ada 16 punca masalah rumah tangga yang diadukan oleh pemohon yang hadir mendapatkan khidmat nasihat dan kaunseling perkahwinan seperti diringkaskan dalam [Jadual 1](#). Jumlah aduan yang diperoleh daripada data ini bukanlah mewakili jumlah kes yang dilaporkan sebaliknya jumlah aduan punca masalah yang pada pendapat pemohon berlaku dalam perkahwinan mereka. Ini bermakna, seorang pemohon boleh menandakan lebih daripada satu aduan. Jadi jumlah aduan bukanlah mewakili jumlah kes.

Jadual 1: Statistik Jenis Punca Masalah Rumah Tangga Sarawak, Tahun 2018-2023

Aduan	Tahun 2018	Tahun 2019	Tahun 2020	Tahun 2021	Tahun 2022	Tahun 2023
Suami/isteri disyaki curang	172	466	363	534	681	708
Isteri tidak taat	73	198	144	210	264	283
Suami tidak bertanggungjawab	226	628	507	728	907	876
Suami/Isteri tinggalkan rumah	163	361	302	485	597	517
Suami/isteri cemburu	102	319	242	304	355	325
Keluar rumah tanpa izin	60	158	111	167	199	184
Suami abai nafkah	251	695	786	833	1000	1028
Campurtangan keluarga suami/isteri	78	218	189	244	279	286
Bengis/mendera	139	398	322	418	463	464
Masalah seksual	34	99	77	102	127	141
Isteri enggan dimadu	3	9	24	15	21	9
Suami ingin berpoligami	24	64	49	56	88	70

Suami/isteri masalah hutang	86	242	184	231	265	339
Suami/isteri masalah penagihan dadah/judi/arak/lain2.	98	617	502	457	671	878
Masalah agama	85	214	120	160	213	273
Tiada persefahaman	231	561	841	649	1453	2264

Sumber: [Jabatan Agama Islam Sarawak \(2023\)](#)

5. Perbincangan

Hasil analisis data statistik Jenis Punca Masalah Rumah Tangga yang diperoleh ([Jabatan Agama Islam Sarawak, 2023](#)), pengkaji mendapati, terdapat lima (5) isu tertinggi dalam perkahwinan pasangan di Sarawak. Untuk tujuan kajian ini, pengkaji akan membincangkan lima kes tertinggi antara 16 punca masalah rumah tangga yang disenaraikan dalam aduan pemohon terhadap pasangan masing-masing di dalam Borang Permohonan Khidmat Nasihat/Kaunseling Perkahwinan di Jabatan Agama Islam Sarawak.

5.1. Tiada persefahaman

Sejak tahun 2018 sehingga 2023 jumlah individu yang melaporkan bahawa mereka tiada lagi persefahaman dengan pasangan masing-masing semakin meningkat daripada 231 pada tahun 2018 kepada 561 kes pada tahun 2019, 841 kes pada tahun 2020, 649 kes untuk tahun 2021, 1453 kes bagi tahun 2022 dan 2264 kes pada tahun 2023. Boleh dikatakan hampir kesemua individu yang datang membuat aduan masalah rumah tangga mereka melaporkan yang mereka sukar mencapai persefahaman antara satu sama lain lagi.

Tiada persefahaman merujuk kepada keadaan di mana pasangan sering tidak sependapat dalam banyak perkara dan kebanyakan perbincangan akan membawa kepada pertengkaran dan seterusnya merosakkan lagi kualiti hubungan. Menurut [Gottman \(1998\)](#), cara pasangan berinteraksi menangani isu rumah tangga banyak dipengaruhi oleh bentuk personaliti seseorang ([Hanzal, 2009](#)). Pasangan yang mempunyai jenis personaliti neurotik yang tinggi cenderung untuk mendepani masalah dengan cara yang negatif, sentiasa mempunyai kebimbangan yang tinggi dan kerakali tidak berpuas hati dengan pandangan serta pendekatan pasangan ([Igbo et al., 2015](#)). [Gottman dan Levenson \(2000\)](#) yang mengkaji tentang interaksi pasangan menyatakan bahawa corak interaksi pasangan dapat menentukan selama mana perkahwinan mereka bertahan. Beliau menamakan *Four Horses of Apocalypse* sebagai bentuk interaksi yang merosakkan ([Gottman & Levenson, 2000](#)). [Driver dan Gottman \(2004\)](#) juga mengembangkan konsep jenis konflik berpasangan melalui kajian lapangan yang beliau lakukan. Mereka mendapati pasangan yang berfungsi, berkualiti tinggi, stabil mempunyai cara yang berbeza dalam mengendalikan konflik berbanding pasangan yang disfungsi dan perkahwinan yang tidak stabil ([Driver & Gottman, 2004](#)). Perbezaan antara kedua-dua jenis perkahwinan ini ialah, pasangan yang tidak stabil sering mengalami banyak konflik dan tekanan sepanjang interaksi berbanding dengan pasangan yang stabil. Proses yang disfungsi ini termasuklah mengkritik, mengutuk, bersikap defensif dan membatukan diri ([Fowler & Dillow, 2011](#)).

Kebanyakan individu yang mendakwa beliau dan pasangan tiada persefahaman juga kerap mengatakan dalam sesi kaunseling bahawa suami kerap kali menggunakan

kekerasan secara lisan dengan menyumpah seranah, mengutuk dan merendahkan pasangan. Ada juga pasangan yang saling membalas cercaan sehingga membawa kepada kekerasan fizikal. Kerap kali juga pertengkaran ditamatkan dengan satu pihak meninggalkan rumah.

Situasi sebegini kerap berlaku apabila pasangan gagal menyelesaikan masalah yang kecil-kecil hinggalah ia kemudian berlarutan dan menjejaskan perasaan individu terhadap satu sama lain.

Pasangan yang tiada persefahaman juga mempunyai bentuk komunikasi yang tidak konstruktif (Sanford, 2012). Menurut kajian, pasangan yang tiada persefahaman dalam banyak perkara terdedah pada konflik dan tekanan yang menjadikan komunikasi yang beremosi dan merosakkan lagi hubungan. Beberapa bentuk atau paten interaksi dalam kalangan pasangan yang berada dalam keadaan tertekan telah dikenal pasti di mana satu pihak memberi tekanan, rungutan dan kritikan sementara satu pihak lagi menarik diri, bersikap defensif dan tidak memberi sebarang reaksi. Dalam istilah masyarakat Melayu tingkah laku sebegini dinamakan sebagai membebel atau berleter dan satu pihak lagi membatukan diri atau melarikan diri dari suasana tersebut (Yahya et al., 2009). Dalam keadaan ini kedua-dua pihak lebih cenderung merasakan dirinya tidak difahami, tidak dipedulikan dan kemahuannya tidak diambil berat oleh pasangan.

Perbezaan pendekatan antara lelaki dan wanita dalam mendepani tekanan mempunyai kaitan dengan peningkatan salah faham dan pertengkaran dalam perkahwinan. Kebanyakan lelaki cenderung untuk mendiamkan diri bila berada dalam tekanan bagi memberi ruang untuk mencari solusi dan penyelesaian masalah yang dihadapi. Sementara wanita pula lebih cenderung menggunakan komunikasi verbal dan berinteraksi bagi mengurangkan tekanan emosi dan mental terlebih dahulu sebelum dapat mencari solusi kepada masalah yang dihadapi (Sahrani, 2017). Pertembungan pendekatan yang berbeza ini kerap kali memberi kesan negatif dan menambahkan tekanan kepada kedua-dua belah pihak. Akibatnya kedua pihak merasa diri mereka tidak difahami dan salah faham terhadap maksud sebenar pasangan masing-masing. Kitaran yang berlanjutan boleh merenggangkan hubungan dan meningkatkan lagi konflik antara keduanya.

Kajian ke atas pasangan yang Berkahwin kurang dari lima tahun mendapati jika sekiranya pasangan tidak dapat membina penyesuaian dalam tempoh tersebut, tempoh lima tahun seterusnya akan mengalami kesukaran bila mana persefahaman sukar dicapai melalui interaksi yang konstruktif dan positif (Kurdek, 1991; Lavner et al., 2015).

5.2. Pengabaian nafkah oleh suami

Nafkah berasal dari bahasa Arab 'nafaqah' dengan akar kata 'nafaqa' yang berarti habis . Dari akar kata tersebut lalu muncul kata 'nafaqah' yang berarti segala sesuatu yang dikeluarkan oleh suami dan menjadi kewajibannya atas isteri dalam bentuk harta yang digunakan untuk membeli makanan, pakaian, tempat tinggal dan pemeliharaan anak. Selain itu, muncul juga kata 'infaq' yang berarti mengeluarkan harta atau lainnya untuk tujuan kebaikan (Zakaria, 2020).

Dari segi praktiknya, nafkah merupakan saraan hidup yang dipertanggungjawabkan ke atas suami terhadap isteri dan anak-anaknya. Ia merupakan kewajipan utama suami yang dinyatakan dalam Quran (Zakaria, 2020). Ia tidak mengecualikan lelaki dari

tanggungjawab ini walaupun isterinya bekerja. Namun begitu, menurut Quran, ia haruslah dilaksanakan mengikut kadar kemampuan. Apa yang termasuk dalam perihal nafkah ialah keperluan asas rumah tangga seperti barangan keperluan dapur untuk makan minum setiap hari, rumah, pakaian dan juga perubatan. Keperluan nafkah seharusnya sentiasa dibincangkan antara suami isteri bagi menentukan keperluan dan keutamaan dari semasa ke semasa.

Aduan tentang masalah pengabaian nafkah oleh suami melonjak dari tahun 2018 di mana hanya 251 kes sahaja kepada sebanyak 1028 kes pada tahun 2023. Kerap kali yang menjadi masalah pada pasangan suami isteri ialah apabila suami dilaporkan culas sama sekali soal nafkah ini. Ada dalam kalangan suami sama sekali tidak bekerja dan tidak mempunyai pendapatan yang tetap. Atas faktor tersebut beliau tidak mampu untuk menafkahkan dan menanggung keluarganya sendiri. Kebanyakan individu yang mengadu perkara ini adalah isteri yang banyak mengambil peranan mencari punca pendapatan dan menyara keluarga.

Antara isu di sebalik isu nafkah ini ialah pelaksanaan nafkahnya tidak mengikut perubahan keadaan dan keperluan semasa walaupun suami mempunyai pendapatan yang stabil. Sebagai contoh, suami hanya memberikan jumlah yang tetap sebanyak RM300 bagi keperluan barangan dapur, bil utiliti dan perbelanjaan persekolahan anak-anak. Tanpa melihat atau mendengar penerangan atau aduan isteri tentang keperluan yang berubah-ubah, suami tetap memberikan jumlah yang sama setiap bulan. Suami juga enggan menambah peruntukan sebaliknya menyerahkan kepada isteri untuk membuat perancangan dan penyelesaian. Sikap suami ini menimbulkan tekanan di pihak isteri yang mengurus perbelanjaan dan keperluan rumah tangga seharian.

Perbezaan pendapat antara suami isteri berhubung nafkah ini juga menjadi salah satu isu yang kerap kali timbul dalam sesi kaunseling berpasangan. Antaranya ialah suami tidak memberikan peruntukan yang mencukupi, nafkah yang diberikan hanya sekali sebulan dalam jumlah yang tidak mengambil kira keperluan rumah tangga dari semasa ke semasa, penugasan pembayaran keperluan rumah tangga yang tidak adil dan sebagainya. Keadaan ini berlaku ekoran dari kurangnya pemahaman suami tentang peranan dan juga lingkungan ruang tanggungjawab beliau dan juga tiadanya perbincangan bagi penyelarasan perbelanjaan rumah tangga antara pasangan suami isteri.

Islam memberikan garis panduan yang jelas berhubung nafkah ini di mana suami bertanggungjawab penuh atas semua bentuk keperluan asasi isteri dan anak-anak (Hudaya, 2013). Ini bermakna seluruh hasil pendapatannya perlu dilaburkan untuk keperluan rumah tangga. Komunikasi berterusan perlu berlaku antara pasangan kerana kebiasaan dalam budaya keluarga Melayu, penugasan menguruskan rumah tangga adalah isteri, maka selayaknya beliau adalah orang yang paling tepat untuk memberikan maklumat tentang keperluan semasa rumah tangga.

Kecuaian melunaskan tanggungjawab nafkah sering kali menjadi bahan pertengkaran yang berterusan. Cabarannya banyak terletak pada aspek mencapai persefahaman bersama suami isteri dalam soal keperluan dan perbelanjaan. Ramai antara isteri yang menyatakan bahawa suami bukan setakat gagal memenuhi keperluan asas rumah tangga, bahkan mereka turut mengelak dari perbincangan. Kebanyakan isteri mengemukakan permohonan fasakh alasan suami tidak memberi nafkah selama 3 bulan berturut-turut setelah beberapa tahun bertahan bagi memberikan ruang dan peluang untuk suami. Peruntukan nafkah ada dinyatakan dalam Ordinan Undang-undang Keluarga Islam

Sarawak, 2001 yang membolehkan Mahkamah Syariah membubarkan perkahwinan setelah sabit aduan si isteri.

Melalui temu bual dengan kaunselor perkahwinan juga, pengkaji mendapati kebanyakan pemohon yang mengadu tentang isu pengabaian nafkah oleh suami turut mengadu perkara lain seperti suami berlaku curang dan suami tidak bertanggungjawab di samping isu-isu lain seperti suami meninggalkan rumah, campur tangan keluarga suami dan juga suami terlibat dengan penagihan dadah, judi dan arak. Ini bermakna, pengabaian nafkah juga menjadi punca utama timbulnya masalah-masalah lain dalam rumah tangga

5.3. Masalah penagihan dadah, arak dan judi dalam kalangan suami isteri

Aduan berhubung suami tidak bertanggungjawab kekal tinggi sejak tahun 2021 iaitu sebanyak 728 aduan pada tahun 2021, meningkat kepada 907 aduan pada tahun 2022 dan menurun sedikit kepada 876 aduan pada tahun 2023 ([Safura & Jamayah, 2022](#)). Suami tidak bertanggungjawab bermaksud suami yang tidak mengambil peduli walau sedikit tanggungjawab beliau sama ada untuk menanggung perbelanjaan rumah tangga, mengambil tahu dan mengurus urusan berkaitan anak-anak ataupun pengurusan rumah tangga. Ramai dalam kalangan isteri mengadu suami mereka enggan membantu melakukan kerja-kerja rumah, membeli keperluan dapur, mengambil tahu masalah isteri ataupun mengambil apa-apa peranan dalam rumah tangga. Pendek kata semua diletakkan di bahu isteri.

Perkahwinan merupakan satu perkongsian hidup yang mana pasangan suami isteri itu saling melengkapi satu sama lain selari dengan kelebihan dan kekuatan masing-masing ([Mohd Fadil, 2017](#)). Lelaki yang secara fitrahnya mempunyai kekuatan fizikal dan mental bertanggungjawab untuk bekerja menyara kehidupan sementara isteri yang diberikan kekuatan emosi dan boleh mengandung diberikan tanggungjawab mengasuh dan membesarkan anak-anak. Selain daripada itu, perkahwinan juga merupakan medan yang menyediakan ketenangan jiwa, menerima sokongan moral dan spiritual hingga dapat membebaskan diri dari segala kerunsingan dan kekosongan. Selain itu juga perkahwinan menjadi ruang untuk suami isteri saling berkongsi perasaan cinta dan kasih sayang yang diselangi dengan belas kasihan hingga timbul sikap saling menolong antara satu sama lain.

Namun begitu, apabila satu pihak culas atau melepaskan tanggungjawab, perkahwinan akan mula tidak stabil. Hanya satu pihak yang menggalas tanggungjawab dan ia akan menjadi beban yang sukar dipikul sendirian. Kebanyakan isteri yang mengadu mendakwa suami melepaskan tanggungjawab kerap kali pada masa yang sama mengadu yang mereka kerap merasa letih yang melampau selain dari mengalami tekanan emosi dan mental kerana melakukan kerja-kerja di rumah dan pada masa yang sama mencari pendapatan untuk menanggung keperluan rumah tangga. Lebih membebankan ialah apabila mereka juga terpaksa menanggung makan minum dan keperluan suami yang tidak bekerja dan tidak memberikan sebarang bantuan.

Pengabaian tanggungjawab memberi kesan langsung pada penurunan kualiti dan kepuasan perkahwinan di pihak isteri ([Zakaria et al., 2018](#)). Hak isteri untuk ditanggung keperluan zahiriah, mendapat layanan yang baik, sokongan emosi dan didikan agama diabaikan dan sekaligus memberikan tanggapan negatif isteri terhadap suami. Keadaan yang berterusan kerap kali mendorong isteri mempertimbangkan untuk mengemukakan

perceraian sama ada dalam bentuk permohonan fasakh ataupun permohonan agar suami melafazkan cerai secara baik di Mahkamah Syariah.

5.4. Suami tidak bertanggungjawab

Aduan berhubung suami tidak bertanggungjawab kekal tinggi sejak tahun 2021 iaitu sebanyak 728 aduan pada tahun 2021, meningkat kepada 907 aduan pada tahun 2022 dan menurun sedikit kepada 876 aduan pada tahun 2023 ([Safura & Jamayah, 2022](#)).

Suami tidak bertanggungjawab bermaksud suami yang tidak mengambil peduli walau sedikit tanggungjawab beliau sama ada untuk menanggung perbelanjaan rumah tangga, mengambil tahu dan mengurus urusan berkaitan anak-anak ataupun pengurusan rumah tangga. Ramai dalam kalangan isteri mengadu suami mereka enggan membantu melakukan kerja-kerja rumah, membeli keperluan dapur, mengambil tahu masalah isteri ataupun mengambil apa-apa peranan dalam rumah tangga. Pendek kata semua diletakkan di bahu isteri.

Perkahwinan merupakan satu perkongsian hidup yang mana pasangan suami isteri itu saling melengkapi satu sama lain selari dengan kelebihan dan kekuatan masing-masing ([Mohd Fadil, 2017](#)). Lelaki yang secara fitrahnya mempunyai kekuatan fizikal dan mental bertanggungjawab untuk bekerja menyara kehidupan sementara isteri yang diberikan kekuatan emosi dan boleh mengandung diberikan tanggungjawab mengasuh dan membesarkan anak-anak. Selain daripada itu, perkahwinan juga merupakan medan yang menyediakan ketenangan jiwa, menerima sokongan moral dan spiritual hingga dapat membebaskan diri dari segala kerunsingan dan kekosongan. Selain itu juga perkahwinan menjadi ruang untuk suami isteri saling berkongsi perasaan cinta dan kasih sayang yang diselangi dengan belas kasihan hingga timbul sikap saling menolong antara satu sama lain.

Namun begitu, apabila satu pihak culas atau melepaskan tanggungjawab, perkahwinan akan mula tidak stabil. Hanya satu pihak yang menggalas tanggungjawab dan ia akan menjadi beban yang sukar dipikul sendirian. Kebanyakan isteri yang mengadu mendakwa suami melepaskan tanggungjawab kerap kali pada masa yang sama mengadu yang mereka kerap merasa letih yang melampau selain dari mengalami tekanan emosi dan mental kerana melakukan kerja-kerja di rumah dan pada masa yang sama mencari pendapatan untuk menanggung keperluan rumah tangga. Lebih membebankan ialah apabila mereka juga terpaksa menanggung makan minum dan keperluan suami yang tidak bekerja dan tidak memberikan sebarang bantuan.

Pengabaian tanggungjawab memberi kesan langsung pada penurunan kualiti dan kepuasan perkahwinan di pihak isteri ([Zakaria et al., 2018](#)). Hak isteri untuk ditanggung keperluan zahiriah, mendapat layanan yang baik, sokongan emosi dan didikan agama diabaikan dan sekaligus memberikan tanggapan negatif isteri terhadap suami. Keadaan yang berterusan kerap kali mendorong isteri mempertimbangkan untuk mengemukakan perceraian sama ada dalam bentuk permohonan fasakh ataupun permohonan agar suami melafazkan cerai secara baik di Mahkamah Syariah.

5.5. Suami atau isteri disyaki curang

Kecurangan merupakan fenomena yang banyak berlaku pada perkahwinan pada masa kini. Apabila perlakuan atau interaksi eksklusif yang sepatutnya hanya berlaku dalam

konteks perkahwinan sebaliknya berlaku juga di luar hubungan suami isteri ia telah ditafsirkan sebagai kecurangan ([Altgelt et al., 2018](#)). Manakala penglibatan di luar perkahwinan pula didefinisikan sebagai penglibatan dari segi seksual dan juga emosi antara individu di luar perkahwinan dengan individu yang bukan pasangannya. Ia terdiri dari pelbagai tingkah laku intim yang melibatkan perasaan ([Stanford, 2012](#)).

Bahkan pada masa kini, kecurangan boleh berlaku tanpa pertemuan fizikal, ia boleh berlaku hatta semasa pasangan ada bersama di sebelah di mana interaksi pertukaran perasaan cinta atau komunikasi yang sepatutnya berlaku antara pasangan suami isteri tetapi dilakukan bersama individu lain selain pasangan itu dilakukan secara atas talian ataupun melalui media WhatsApp dan sebagainya ([Clayton et al., 2013](#)). Ini menjadikan peluang untuk berlakunya kecurangan itu semakin luas dan kekerapan ia berlaku dan berulang juga semakin tinggi. Menurut kajian, lelaki lebih tinggi kecenderungan untuk berlaku curang berbanding wanita walaupun pada masa kini perbezaan jumlah tersebut semakin kecil. Bahkan lebih mengejutkan, fenomena kecurangan antara pasangan yang telah dan sedang masih dalam ikatan perkahwinan semakin banyak berlaku.

Perkahwinan yang melibatkan kecurangan agak sukar untuk diselamatkan. Jumlah pasangan yang bercerai disebabkan kecurangan dari satu pihak semakin meningkat setiap tahun. Namun begitu, definisi curang berbeza tafsirannya antara suami dan isteri dan ini menimbulkan konflik yang berterusan. Bagi sesetengah suami, berkomunikasi, kerap keluar bersama, bahkan tidur bersama wanita lain belum dikira curang hanya kerana ia tidak melibatkan perasaan cinta. Namun sebaliknya bagi isteri pula, sekalipun tidak melibatkan perasaan, namun apabila perhatian dan layanan diberikan kepada wanita lain ia menimbulkan rasa cemburu dan anggapan bahawa suaminya mempunyai hubungan istimewa bersama wanita tersebut ([Bagarozzi, 2008](#)).

Kecurangan mempunyai kaitan dengan kepuasan perkahwinan dan beberapa faktor individu seperti jenis personaliti, umur, gender dan juga tahap pendidikan. Faktor lain yang dapat dikaitkan dengan kecurangan ialah kawasan kediaman. Kawasan bandar lebih tinggi potensi berlakunya kecurangan disebabkan bandar terdapat lebih banyak alternatif hubungan berbanding di kawasan pedalaman. Tambahan lagi, keadaan di bandar jauh lebih sibuk dan kemungkinan banyaknya berlaku interaksi antara lelaki dan wanita di luar perkahwinan lebih tinggi berbanding di pedalaman ([Blow & Hartnett, 2005](#)).

Kepuasan perkahwinan mempunyai kaitan secara negatif dengan kecurangan. Pasangan yang mempunyai tahap kepuasan yang tinggi terhadap perkahwinan sedia ada, mempunyai komitmen yang tinggi dan kurang memberi perhatian kepada interaksi dengan pasangan alternatif di luar mempunyai kecenderungan yang lebih rendah untuk terjebak dengan kecurangan berbanding dengan mereka yang mempunyai tahap kepuasan perkahwinan yang rendah ([Jeanfreau et al., 2020](#)).

Berdasarkan statistik Pengaduan Masalah Rumah Tangga yang dilaporkan di [Jabatan Agama Islam Sarawak \(2023\)](#), kecurangan di pihak suami direkodkan lebih tinggi berbanding dengan kecurangan di pihak isteri. Namun begitu tidak dinafikan kebanyakan konflik perkahwinan dimulakan dengan perasaan cemburu individu terhadap pasangannya. Ini kerana kurangnya perhatian diberikan kepada aktiviti membina kemesraan, penumpuan lebih kepada media sosial, layanan dingin atau kasar pada pasangan berbanding dengan orang lain serta banyaknya aktiviti tanpa melibatkan pasangan antara punca yang mencetuskan rasa cemburu berlebihan terhadap pasangan masing-masing. Pada masa yang sama juga individu kurang prihatin pada perasaan

pasangan dan tidak menjaga batasan pergaulan dengan orang luar cenderung menimbulkan rasa cemburu dan curiga pasangannya.

Terdapat juga kes di mana pasangan sebenarnya tidak berlaku curang namun disebabkan oleh hubungan yang renggang, kurang aktiviti bersama dan lebih banyak masa dan perhatian diberikan kepada aktiviti luar maka ini menimbulkan rasa curiga dan cemburu di pihak pasangan. Perasaan ini kemudiannya menjadi punca pertengkaran di mana tuduhan demi tuduhan diberikan tanpa sebarang bukti dan pihak pasangan pula tidak melakukan usaha untuk memperbaiki hubungan perkahwinan sebaliknya menggunakan pendekatan sama ada mendiamkan diri atau mengelak dari pasangan.

6. Kesimpulan

Peningkatan kes secara keseluruhan menunjukkan beberapa perkara. Pertama, kurangnya pemahaman pasangan suami isteri dalam masyarakat Melayu dalam perkara berkaitan tanggungjawab dalam perkahwinan. Soal nafkah dan pelaksanaan tanggungjawab sebagai suami merupakan perkara asas dan sangat penting yang menjadi tonggak kepada kesejahteraan fizikal, mental dan emosi ahli dalam keluarga. Soal makan minum, tempat tinggal dan pakaian merupakan keperluan utama kepada manusia secara umum. Pengabaian nafkah oleh suami menjejaskan kefungsi isteri dan anak-anak dalam jangka panjang. Secara tidak langsung ia juga memberikan tekanan pada isteri dan menjejaskan kepuasan perkahwinan serta mencetuskan pertelingkahan berterusan.

Peningkatan kes curang dalam kalangan suami isteri juga merupakan perkara yang serius. Ia bukan saja menunjukkan rapuh dan renggangnya hubungan suami isteri itu sendiri, bahkan juga rendahnya komitmen yang diberikan terhadap perkahwinan sendiri. Kebanyakan kecurangan bermula dari tindakan hanya untuk bersuka-suka namun kemudian hubungan tersebut berkembang hingga melibatkan perkongsian perasaan dan seterusnya membawa kepada hubungan yang lebih istimewa. Kecurangan mempunyai kaitan dengan kemurungan dan juga keganasan rumah tangga, rendahnya kepuasan perkahwinan dan peningkatan tahap tekanan dan ketidakstabilan perkahwinan ([Stanford, 2012](#)).

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak berwajib dalam membantu pasangan mengendalikan isu-isu perkahwinan mereka, sama ada kursus-kursus yang diwajibkan sebelum berkahwin dan juga selepas berkahwin. Sebagai contoh, Kursus Pra Perkahwinan yang diperkenalkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) diwajibkan ke atas setiap bakal pengantin dan juga Kursus Pasca Perkahwinan yang terdiri dari beberapa modul mengikut fasa perkahwinan. Sementara itu pihak Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) juga mengadakan kursus SmartStart yang juga kursus pra perkahwinan untuk pasangan yang bakal berkahwin dan baru berkahwin. Ini bertujuan untuk memberikan panduan dan kemahiran dalam perkahwinan ([Safura & Jamayah, 2022](#)).

Usaha berterusan dan lebih strategik perlu dibentuk dan dilaksanakan sesuai dengan keperluan dan cabaran semasa agar pasangan suami isteri lebih berkemahiran dalam mengendalikan urusan hal ehwal dalam perkahwinan mereka dan pada masa yang sama, kadar perceraian dapat dibendung. Kursus-kursus kemahiran komunikasi, pemahaman tentang tekanan, konflik serta cara pengendaliannya juga sangat penting terutamanya bagi pasangan yang baru berkahwin dan kurang pengalaman mendepani cabaran perkahwinan.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada Jabatan Agama Islam Sarawak atas kerjasama yang diberikan sepanjang kajian ini dilakukan.

Kewangan (*Funding*)

Kajian ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan. Ianya ditanggung sepenuhnya oleh penulis.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dalam penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Abdul Rahman, A. S., Kusrin, Z. M., & Omar, A. F. (2014). Faktor perceraian di Mahkamah Syariah Bahagian Mukah, Sarawak dari tahun 2000 hingga 2010. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, 36(1), 5-20
- Altgelt, E. E., Reyes, M. A., French, J. E., Meltzer, A. L., & McNulty, J. K. (2018). Who is sexually faithful? Own and partner personality traits as predictors of infidelity. *Journal of Social and Personal Relationships*, 35(4), 600-614.
- Anderson, J. R., Van Ryzin, M. J., & Doherty, W. J. (2010). Developmental trajectories of marital happiness in continuously married individuals: A group-based modeling approach. *Journal of Family Psychology*, 24(5), 587-596.
- Bagarozzi, D. A. (2008). Understanding and treating marital infidelity: A multidimensional model. *The American Journal of Family Therapy*, 36(1), 1-17.
- Birditt, K. S., Brown, E., Orbuch, T. L., & McIlvane, J. M. (2010). Marital conflict behaviors and implications for divorce over 16 years. *Journal Of Marriage And Family*, 72(5), 1188-1204.
- Blow, A. J., & Hartnett, K. (2005). Infidelity in committed relationships: A methodological review. *Journal of Marital And Family Therapy*, 31(2), 183-216.
- Clayton, R. B., Nagurney, A., & Smith, J. R. (2013). Cheating, breakup, and divorce: Is Facebook use to blame?. *Cyberpsychology, Behavior, and Social Networking*, 16(10), 717-720.
- Driver, J. L., & Gottman, J. M. (2004). Daily marital interactions and positive affect during marital conflict among newlywed couples. *Family Process*, 43(3), 301-314.
- Fowler, C., & Dillow, M. R. (2011). Attachment dimensions and the four horsemen of the apocalypse. *Communication Research Reports*, 28(1), 16-26.
- Gallo, L. C., & Smith, T. W. (2001). Attachment style in marriage: Adjustment and responses to interaction. *Journal of Social and Personal Relationships*, 18(2), 263-289.
- Gottman, J. M., & Levenson, R. W. (2000). The timing of divorce: Predicting when a couple will divorce over a 14-year period. *Journal of Marriage and Family*, 62(3), 737-745.
- Gottman, J. M., Coan, J., Carrere, S., & Swanson, C. (1998). Predicting marital happiness and stability from newlywed interactions. *Journal of Marriage and the Family*, 5-22.
- Hanzal, A. (2009). *The role of enduring vulnerabilities and coping in adjusting to marital stress*. (PhD Dissertation). The University of Arizona.
- Harwood, T. G., & Garry, T. (2003). An overview of content analysis. *The Marketing Review*, 3(4), 479-498.

- Hudaya, H. (2013). Hak nafkah isteri (Perspektif hadis dan kompilasi hukum Islam). *Muadalah*, 1(1), 25-35
- Igbo, H. I., Grace, A. R., & Christiana, E. O. (2015). Relationship between duration of marriage, personality trait, gender and conflict resolution strategies of spouses. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 190, 490-496.
- Jabatan Agama Islam Sarawak (2023). Data statistik permohonan khidmat nasihat & kaunseling tahun 2018-2023, Sarawak, Malaysia: JAIS.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2019). Laporan Tahunan JAKIM 2019, Putrajaya, Malaysia: JAKIM.
- Jeanfreau, M. M., Holden, C., & Brazeal, M. (2020). Our money, my secrets: Why married individuals commit financial infidelity. *Contemporary Family Therapy*, 42, 46-54.
- Kurdek, L. A. (1991). Predictors of increases in marital distress in newlywed couples: A 3-year prospective longitudinal study. *Developmental Psychology*, 27(4), 627.
- Lavner, J. A., Lamkin, J., & Miller, J. D. (2015). Borderline personality disorder symptoms and newlyweds' observed communication, partner characteristics, and longitudinal marital outcomes. *Journal of Abnormal Psychology*, 124(4), 975-981.
- Majid, M. A., & Hudin, M. S. Z. S. (2017). Trend dan faktor perceraian rumah tangga di negeri Selangor dari tahun 2011 hingga 2015: Trend and marriage divorce factor in Selangor from 2011 to 2015. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 2(2), 40-53.
- Mansor, S., & Hussin, M. N. M. (2023). Perceraian bagi perkahwinan yang berusia kurang dari tempoh satu tahun di Mahkamah Rendah Syariah Petaling: Divorce for marriages that are less than a year in Petaling District Shariah Court. *Journal of Shariah Law Research*, 8(1), 33-70.
- Mohamad, N. Z. A., Malek, N. A., Samsudin, S., & Jani, N. A. (2019). Sustaining the Islamic marriage institution in Malaysia: Lesson from Qur'anic stories. *Al-Shajarah: Journal of the International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)*, 24(1), 97-130.
- Mohd Fadil, F. (2017). *Memahami makna kualiti perkahwinan Melayu dari perspektif pakar di Malaysia*. (Master dissertation), Universiti Putra Malaysia.
- Moktar, W. M. B. W., & Omar, A. F. (2018). Analisis punca perceraian dalam kalangan remaja: Kajian Kes di Kota Bharu 2010-2014. *Fikiran Masyarakat*, 6(2), 57-62.
- Musthapar, N. F., & Ahmad, B. (2022). Isu-isu perhubungan suami isteri dalam keluarga Islam di Malaysia: Analisis literatur [husband-wife relationship issues in Muslim families in Malaysia: A Literature Analysis]. *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 5(1), 98-113.
- Safura, A. S., & Jamayah, S. (2022). Analisis isu perkahwinan dalam kalangan pasangan Melayu di Kuching, Sarawak sepanjang tahun 2018-2020. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(7), 610-615
- Sahrani, S. Q. A. (2017). Marital quality among female newlyweds in Klang Valley the influence of marital communication and gender role. *International Journal of Studies on Children, Women, Elderly, and Disabled*, 1, 189-194.
- Salleh, N. M. (2013). *Kompetensi pegawai rundingcara dalam mengendalikan kaunseling perkahwinan di negeri Johor*. (Doctoral dissertation), Universiti Teknologi Malaysia.
- Sanford, K. (2012). The communication of emotion during conflict in married couples. *Journal of Family Psychology*, 26(3), 297-307.
- Stanford, P. S. (2012). *Marriages after infidelity: A prospective study*. The Florida State University.
- Tuan Buqairah. (2023, November 24). Ramai pasangan muda bercerai. Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/article/636235/berita/nasional/ramai-pasangan-muda-bercerai>

- Yahya, S., & Roose, A. R. M. (2009). Hubungan antara perkahwinan dengan self-esteem. *Jurnal Kemanusiaan*, 7(1), 16-42.
- Zakaria, S. (2020). Nafkah dan ketimpangan gender: Analisis nafkah dalam kompilasi hukum Islam. *Ijtihad*, 36(2), 51-66.
- Zakaria, S. M., Jaafar, J. R., Shafurdin, N. S., & Hidayat, N. D. (2018). Indikator kualiti perkahwinan daripada pelbagai perspektif. *Prosiding Seminar Antarabangsa Keagamaan* (pp. 26-32). *Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Malaysia*.